

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL  
AZIZ  
(RAUB)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.10.2015**

**Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [ RAUB ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) betul atau tidak, wang sebanyak RM4 bilion dipinjam daripada KWAP  
untuk membeli lombong arang batu di Mongolia; dan

(b) adakah lombong ini wujud dan jika ya, sudahkah ia beroperasi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah keseluruhan RM4 bilion yang telah dipinjam daripada KWAP, SRC hanya melaburkan sebanyak USD60 juta di dalam saham-saham syarikat Gobi Coal & Energy Ltd (GCE) di Mongolia.

Maklumat lanjut mengenai aset-aset pelaburan yang telah dibuat boleh dirujuk di dalam Penyata Kewangan SRC yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Mac 2014 dan boleh dimuat-turun di laman web Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).